

Jasad 2 pahlawan dikebumi semula

Oleh HATA WAHARI
dan NORLIZA ABDUL RAHMAN

LUMUT 9 Sept. - Rangka jasad dua pahlawan Melayu, Allahyarham Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim Long Jaafar dan bapa mertuanya, Allahyarham Laksamana Mohamad Amin Alang Duakap selamat dikebumikan semula di Kuala Kangsar dan Taiping hari ini.

Pengebumian semula kedua-dua pahlawan Melayu itu dimulakan dengan rangka jasad Mohamad Amin pada pukul 11 pagi di Makam Diraja Bukit Ghandan, Kuala Kangsar yang dilakukan dengan penuh istiadat.

Bacaan tahlil dilakukan selepas pengebumian semula itu diikuti dengan upacara menyiram air mawar

yang didahului oleh Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah; Raja Dihilir Raja Jaafar Raja Muda Musa; Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali dan waris Mohamad Amin yang diketuai oleh piutnya, Orang Besar Jajahan Manjung, Toh Muda Mohd. Khairi Ahmad Tazali.

Semertara rangka jasad Ngah Ibrahim pula di kebumikan di Kota Ngah Ibrahim yang kini dikenali sebagai Kompleks Sejarah Matang di Taiping pukul 1.30 tengah hari.

Rangka jasad pahlawan Melayu itu dibawa masuk oleh enam orang anggota TLDM yang melalui barisan pelajar sekolah, anggota polis dan TLDM sehingga ke kawasan pengkebumian.

Selepas dikebumikan, tahlil diba-

cakan dan kemudian upacara menyiram air mawar di mulakan dengan Raja Jaafar, Mohd. Tajol Rosli dan piut Ngah Ibrahim, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan Ahmad.

Upacara pengkebumian kedua-dua pahlawan itu masing-masing dihadiri kira-kira 5,000 orang.

Sementara itu, Kerajaan Perak yakin rangka jasad Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim Long Jaafar yang dibawa pulang dari Singapura dan disemadikan semula di Kota Ngah Ibrahim hari ini milik pahlawan Melayu Perak itu.

Tajol Rosli berkata, ini berdasarkan dokumen dan bukti nyata bahawa Ngah Ibrahim memang meninggal dunia di Singapura.

Beliau berkata, perkara itu turut



RAJA Jaafar menyiram air mawar di pusara Laksamana Muhammad Amin Alang Duakap di pekarangan Masjid Ubudiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, semalam.

dispkong oleh fakta sejarah yang tersimpan di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) serta kajian oleh Jabatan Warisan Negara.

"Tambahan pula, generasi kelima kepada Ngah Ibrahim iaitu piutnya, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Datuk Dr. Wan Mohd. Isa Wan

Ahmad menyimpan salasilah keluarganya," katanya.

Ditanya mengenai ura-ura untuk melakukan ujian profil asid deoksiribonukleik (DNA) bagi memastikan kesahihan rangka jasad itu milik Ngah Ibrahim, beliau berkata, perkara itu diserahkan kepada budi

bicara Dewan Negan Perak.

"Kerajaan negeri tidak terlibat dalam urusan tersebut (ujian DNA) kerana ia terletak di bawah perkenan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, anggota Dewan Negara Perak dan waris kepada Ngah Ibrahim sendiri," katanya.